



**IKLAN JAWATAN-JAWATAN KOSONG DALAM PERKHIDMATAN AWAM
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

PENGIKLANAN JAWATAN MENURUT PERATURAN 7(a) GAJI HARI

IKLAN ADALAH DIBUKAKAN KEPADA ORANG RAMAI

PEMANDU TINGKAT KHAS (KENDERAAN DARAT) (D.1-2-3 EB.4-5-6)

**KEMENTERIAN PERTAHANAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

TARIKH IKLAN: 12 SEPTEMBER 2026

TARIKH TUTUP PERMOHONAN: 26 SEPTEMBER 2026

BILANGAN IKLAN: 2026/SEP/01/KPTH

Sebarang pertanyaan boleh dikemukakan kepada Kementerian Pertahanan seperti berikut:

**ALAMAT : BAHAGIAN PENGAMBILAN DAN PERJAWATAN,
JABATANARAH PENTADBIRAN DAN TENAGA MANUSIA,
BOLKIAH GARISON.
KEMENTERIAN PERTAHANAN BB3510
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.**

EMEL : hrdr.dsp@mindef.gov.bn

NO TEL : 8743998

PERATURAN 7 (a) – GAJI HARI

1. Syarat-Syarat Am:

- (A) Pemohon terdiri daripada Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.
- (B) Pemohon mempunyai pengetahuan tentang kerasmian Ugama Islam, Adat Istiadat Negara, Adat Resam dan Kebudayaan Orang-Orang Melayu Brunei dan Perkembangan Sosial, Ekonomi dan Politik Negara Brunei Darussalam.
- (C) Bersedia untuk bertugas bila-bila masa di luar waktu bekerja biasa atau bekerja secara bergilir-gilir (*shift*) atau semasa cuti awam dan juga hendaklah bersedia untuk bertugas di mana-mana daerah di negara ini.

2. Sila Ambil Perhatian:

- (A) Bagi mengetahui perkembangan kedudukan permohonan, sila rujuk kepada Kementerian / Jabatan yang mengendalikan proses pengambilan.



IKLAN JAWATAN KOSONG UNTUK PENGAMBILAN SECARA BERGAJI HARI

**PEMANDU TINGKAT KHAS (KENDERAAN DARAT)
KEMENTERIAN PERTAHANAN
D.1-2-3 EB.4-5-6 (BAHAGIAN IV)
KEKOSONGAN = DUA (02)**

KELAYAKAN MINIMUM:

1. Mempunyai 4 Kepujian / Kredit mata pelajaran Sijil Am Pelajaran Brunei Cambridge Peringkat Biasa atau sebanding.
2. Mempunyai Lesen Memandu Kelas Tiga (03) yang sah (tidak mansuh).
3. Mempunyai pengetahuan yang luas mengenai perairan-perairan Sungai di Negara ini serta pandai berenang (bagi Pemandu Kenderaan Laut).
4. Berpengalaman memandu beberapa jenis kenderaan dan berkebolehan membaiki kerosakan kecil adalah satu kelebihan.
5. Keutamaan akan diberikan kepada calon **Lelaki**.

TUGAS DAN TANGGUNGJAWAB:

1. Memberikan khidmat memandu untuk keperluan urusan-urusan rasmi Jabatan / Jabatanarah ini;
2. Menjaga kebersihan dan memelihara kenderaan yang terdapat di Jabatan / Jabatanarah ini;
3. Menghantar dan mengambil persuratan untuk Jabatan / Jabatanarah;
4. Menguruskan kerja-kerja pemeliharaan / pembaikan kenderaan serta penyambungan cukai jalan jika diperlukan;
5. Bertanggungjawab dalam kerja-kerja pemeriksaan dan pembaikan kerosakan-kerosakan kenderaan yang digunakan dan kerja-kerja berkaitan;



6. Membuat laporan sekiranya ada kerosakan-kerosakan yang perlu gantian;
7. Bertanggungjawab dalam menjaga keselamatan kenderaan yang digunakan dan memastikan ianya sentiasa dalam keadaan baik dan bersih serta mempunyai kelengkapan-kelengkapan yang diperlukan;
8. Bertanggungjawab terhadap keselamatan penumpang; dan
9. Menjalankan tugas-tugas yang diarahkan oleh pegawai atasan dari semasa ke semasa.